

27 JUN 2001

Muhyiddin-Selular

KEMENTERIAN JANGKA HARGA TELEFON SELULAR AKAN TURUN

KUALA LUMPUR, 27 Jun (Bernama) -- Harga telefon selular dijangka akan turun tidak lama lagi ekoran penghapusan duti import sebanyak 20 peratus yang telah bermula 14 Jun lepas, kata Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tan Sri Muhyiddin Yassin hari ini.

Beliau berkata penghapusan duti berkenaan tidak mempunyai kesan yang mendadak ke atas harga telefon selular kerana sebelum ini ia dibawa masuk secara separuh siap (SKD) sebelum dipasang di dalam negara dan bukannya unit lengkap (CBU).

"Pengaruh persaingan dengan telefon seludup tetap sengit kerana penyeludupan masih berlaku apalagi cukai jualan 10 peratus masih digunakan sedangkan penyeludup tidak perlu membayar apa-apa," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat kementeriannya di sini.

"Harga model tertentu masih kekal sebelum harga duti import dihapuskan tetapi kita jangka ia tidak akan berterusan kerana persaingan sengit ini," katanya.

Beliau berkata kementerian akan memantau untuk melihat supaya trend harga itu tidak meningkat dan mendatar kerana sepatutnya ia menurun dan juga lebih rendah lagi apabila pengimport membawa masuk telefon CBU nanti.

Muhyiddin berkata penjual mungkin tidak menurunkan harga sekarang ini kerana mahu menghabiskan stok lama.

Beliau berkata kementerian telah berbincang dengan sebuah syarikat pengeluar dan tiga syarikat pengimport telefon selular minggu lepas berhubung penghapusan duti import itu.

Muhyiddin berkata cukai perkhidmatan sebanyak 10 peratus dikekalkan dan tidak akan dihapuskan seperti yang diumumkan sebelum ini.

Sementara itu, semasa mengulas laporan mengenai pembekal komputer skim memiliki komputer Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) yang memasukkan perisian yang tidak berlesen, beliau berkata perkara itu menyalahi Akta Hakcipta.

"Pembeli mengharapkan bekalan yang tulen. Nasihat kita yang pertama kepada mereka yang mendapatkan skim ini, mereka perlu semak betul-betul dengan pembekal," katanya.

Dalam perkembangan lain, Muhyiddin berkata kabinet hari ini menetapkan supaya Hari Pengguna Malaysia disambut pada 26 Julai setiap tahun dan Minggu Pengguna Malaysia pula seminggu sebelum tarikh itu.

"Tarikh baru ini dipilih kerana Rang Undang-Undang Pengguna dibentangkan di Parlimen pada tarikh itu pada tahun 1999 lepas," katanya.

Katanya, sambutan kali pertama itu akan diadakan bulan depan yang dijangka dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan hari itu akan digunakan untuk meningkatkan kesedaran rakyat tentang isu kepenggunaan di negara ini.

Temanya ialah 'Pengguna Bermaklumat Negara Bermanfaat'.

Malaysia sebelum ini menyambut Hari Pengguna Sedunia pada 15 Mac setiap tahun.

-- BERNAMA

SHS ZS MOZ